



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 114

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (TATACARA KUARANTIN) 2013

*MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES  
(QUARANTINE PROCEDURES) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (TATACARA KUARANTIN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 49(2)(b) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Tatacara Kuarantin) 2013.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“ujian” ertinya apa-apa tindakan yang dibuat ke atas sampel mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih atau mikroorganisma yang diambil untuk mengesan, mengenal pasti atau menentukan penyakit, perosak atau bahan cemar;

“rawatan” ertinya apa-apa tindakan untuk melemah, membunuh atau menyahkan penyakit, perosak atau bahan cemar, termasuklah semburan, pewasapan, rendaman, pendebuan;

“penyedia perkhidmatan rawatan” ertinya mana-mana orang atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan rawatan ke atas apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih atau mikroorganisma yang diluluskan oleh agensi atau jabatan kerajaan yang berkaitan.

### **Pengujian**

3. (1) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang diperiksa, dikuarantin, atau untuk diimport atau dieksport oleh pemunya atau ejen adalah tertakluk kepada apa-apa ujian sebagaimana yang ditentukan oleh agensi atau jabatan yang berkaitan atau yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang gagal dalam ujian hendaklah—

- (a) dirawat;
- (b) dilarang masuk; atau
- (c) dilupus.

### **Pemindahan**

4. (1) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang diarahkan untuk menjalani ujian, tidak boleh dialih, diguna, dijual, diedar atau dibawa keluar dari pintu masuk atau stesen kuarantin atau premis kuarantin tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana pemunya atau ejen yang ingin membawa keluar tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma dari pintu masuk ke suatu premis semasa tempoh ujian hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah secara bertulis untuk mengisyiharkan premis itu sebagai premis kuarantin.

### **Rawatan**

5. (1) Pemunya atau ejen adalah bertanggungjawab bagi rawatan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang diarah untuk menjalani rawatan dalam tempoh yang ditentukan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemunya atau ejen yang ingkar menjalankan rawatan boleh menyebabkan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma, dilupuskan.

(3) Rawatan hendaklah dilakukan oleh penyedia perkhidmatan rawatan di bawah penyeliaan Ketua Pengarah.

(4) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang gagal dirawat hendaklah—

- (a) dirawat semula;
- (b) dilarang masuk; atau
- (c) dilupus.

### **Pelupusan**

6. (1) Pemunya atau ejen yang diarah melakukan pelupusan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma hendaklah melakukannya dalam tempoh yang ditentukan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemunya atau ejen yang ingkar melakukan pelupusan ke atas mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana orang atau syarikat untuk melakukan pelupusan dan kos hendaklah ditanggung oleh pemunya atau ejen sekiranya pemunya atau ejen gagal melakukan pelupusan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.